

Kaharuddin, Siti Munirah atlet terbaik UPM



MOHD. Kaharuddin Ashah dan Siti Munirah Jusoh bersama trofi Atlet Terbaik pada majlis Anugerah Sukan UPM di Serdang, semalam.

KUALA LUMPUR - Atlet memana negara Mohd. Kaharuddin Ashah dan pemain skuasy Siti Munirah Jusoh dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-29, semalam.

Mohd. Kaharuddin, 25, pelajar tahun akhir dalam jurusan Sarjana Muda Pembangunan Manusia, merupakan pemenang pingat perak acara *compound* pada Sukan SEA Indonesia 2011.

Manakala Siti Munirah, pelajar tahun dua dalam jurusan Sarjana Muda Komunikasi Penyiaran, meraih emas pada temasya Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Sarawak, April lepas.

Mereka masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan dan sijil yang disampaikan oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail

pada majlis anugerah itu.

Anugerah Tokoh Sukan UPM pula diberikan kepada Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman atas pencapaian dan penglibatan beliau dalam bidang sukan UPM.

Anugerah Pasukan Cemerlang pula dimenangi oleh pasukan hoki, anugerah Pengurus Cemerlang disandang oleh Mohd. Firdaus Abdullah bagi sukan olahraga dan jurulatih hoki Wan Zaharuddin Wan Abdullah memenangi anugerah Jurulatih Cemerlang.

Seramai 60 pelajar yang cemerlang dalam sukan UPM menerima Anugerah Putra Cemerlang, 31 pelajar bagi kategori Anugerah Penghargaan Setia Bakti dan 17 orang pelajar bagi kategori Anugerah Khas.